

**IHP Naik 3.5 Peratus Kepada 109.8 Pada Februari  
Bernama  
21 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 3.5 peratus kepada 109.8 pada Februari 2014 berbanding 106.1 pada bulan yang sama tahun lalu, kata Jabatan Perangkaan Jumaat.

Berbanding Januari, IHP meningkat 0.3 peratus, kata jabatan berkenaan.

Peningkatan 3.5 peratus dalam IHP disebabkan kenaikan indeks semua kumpulan utama kecuali barangan dan perkhidmatan (-0.8 peratus) dan komunikasi (-0.5 peratus, kata jabatan itu dalam satu kenyataan.

Peningkatan jelas di kalangan kumpulan itu adalah pengangkutan (5.4 peratus); makanan dan minum tanpa alkohol (4.0 peratus); perumahan, air, elektrik, gas dan bahan bakar lain (3.4 peratus).

Menurutnya, kenaikan 4.0 peratus dalam indeks makanan dan minuman tanpa alkohol disebabkan peningkatan makanan di rumah (4.3 peratus); makanan di luar rumah (3.8 peratus) kopi, teh, koko dan minuman tanpa alkohol (1.3 peratus).

"Tiga kumpulan utama iaitu makanan dan minuman tanpa alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan bakar lain; dan pengangkutan menyumbang kepada 83.1 peratus peningkatan keseluruhan pada tempoh semasa," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023749>